

24/02/1997

Peruntukan bukti kerajaan prihatin

Wan Razman Juraimi

MELAKA, Ahad - Kesediaan kerajaan menambah peruntukan membiayai kajian Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan pembinaan lebuh raya menghubungkan tiga kawasan peranginan di Banjaran Titiwangsa, membuktikan keprihatinan dan kepekaannya terhadap usaha mengurangkan kerosakan alam sekitar.

Penambahan jumlah peruntukan daripada RM1.5 juta kepada RM3.5 juta juga menggambarkan iltizam kerajaan mahu memastikan projek menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands mampu memberikan pulangan memberangsangkan kepada industri pelancongan negara.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kerajaan membuat keputusan menambah peruntukan kajian EIA itu bulan lalu, kerana berpendapat ia memerlukan perbelanjaan lebih, berikutan kedudukan ekologi dan alam sekitar kawasan terbabit.

"Kesediaan kerajaan menambah peruntukan itu perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak, terutama segelintir Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mendakwa kononnya projek itu kelak memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

"Sebenarnya semua orang, termasuk NGO sendiri tahu Malaysia sebuah negara yang sentiasa memberi perhatian serius terhadap usaha mengekalkan alam sekitar, tetapi sengaja berlagak sebaliknya kerana mempunyai kepentingan sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia ke 29 di Dewan Taming Sari, Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB), Ayer Keroh, dekat sini, hari ini.

Jumaat lalu, ketika mengulas cadangan projek lebuh raya itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata, NGO perlu mengikis sikap fanatik terhadap pengekalan alam sekitar kerana pembangunan memerlukan sedikit pengorbanan seperti penebangan pokok.

Sebaliknya, Dr Mahathir menasihatkan pertubuhan itu supaya lebih bersikap sederhana dan menyedari tidak ada pihak mahu memusnahkan alam sekitar tanpa faedah tertentu.

Mengenai cadangan pembinaan projek lebuh raya di kawasan pesisiran pantai menghubungkan Banting di Selangor ke Gelang Patah, Johor Bahru dan merentasi Morib, Port Dickson dan Melaka, Samy Vellu berkata, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) kini sedang mengkaji cadangan dikemukakan beberapa syarikat.

Beliau menjangka projek itu dapat dilaksanakan segera sebaik kajian oleh EPU disiapkan tidak lama lagi.

"Saya menjangka kajian itu dapat diselesaikan dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi," katanya.

Menurutnya, cadangan pembinaan lebuh raya itu akan digabungkan dengan lebuh raya Lumut-Banting yang sudah diluluskan pembinaannya.

(END)